

# Majlis Perkongsian Ilmu Kewartawanan dan Penulisan Berita



**LABUAN, 18 September** – Seramai 30 ahli jawatankuasa Portal JPWPL Sana Sini yang terdiri dari guru sekolah dan kakitangan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan (JPWPL) telah mengikuti Bengkel Penulisan Berita Asas yang diadakan di Bilik Mesyuarat Botanikal, JPWPL, pada jumaat lalu.

Bengkel selama tiga jam itu dikendalikan oleh Ahli Fotografi Kanan Universiti Malaysia Sabah Kampus Labuan (UMSKAL), Encik Azri Onn Othman, dibantu oleh Puan Siti Zahara binti Mohammad, Pegawai SISC+ Bahasa Melayu (Menengah), JPWPL.

Pengarah Jabatan Pendidikan Labuan, Encik Raisin Saidin yang hadir pada majlis tersebut berharap jawatankuasa laman web jabatan dan sekolah dapat dimantapkan lagi melalui penambahbaikan dalam penulisan berita.

*“Menjadi harapan jabatan agar peserta bengkel dapat*

*memantapkan lagi penulisan berita di dalam portal JPWPL Sana Sini, laman web sekolah masing-masing, termasuk media cetak”, katanya.*

Menurut Penyelaras Program, Encik Zait Mohd Shafie, bengkel anjuran Sektor Pengurusan Maklumat itu bertujuan untuk mendedahkan peserta mengenai kaedah penulisan berita yang baik untuk dimasukkan ke dalam portal JPWPL Sana Sini, laman web rasmi sekolah dan media cetak.



Peserta yang hadir fokus mendengar taklimat dari penceramah

Pihak Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada Encik Azri Onn di atas sumbangan perkongsian ilmu yang diberikan dalam menjayakan bengkel ini.